



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**25 OKTOBER 2019 (JUMAAT)**  
**3.30 PETANG**

**KOMPLEKS SUKAN BERTAM**  
**KEPALA BATAS**  
**SEBERANG PERAI UTARA**

**Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Berbahagia Profesor Datuk Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan**  
Pengarah  
Pusat Transformasi Insan (PTi)  
Universiti Sains Malaysia (USM\_

**Puan Ir Hjh Rosnani Binti Mahmud**  
Setiausaha Bandaraya MPSP

**Ketua – Ketua Jabatan dan Penolong Pengarah**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Encik Mohd Faizal Bin Md Osman**  
Ketua Penolong Pendaftar  
Pusat Transformasi Insan  
Universiti Sains Malaysia

**Pegawai-Pegawai Kanan**  
Pusat Transformasi Insan  
Universiti Sains Malaysia

**Rakan - rakan Media**

**Seluruh Kakitangan MPSP**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdullilah, bersyukur saya kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmatnya, dapat kita berkumpul pada petang yang indah ini dalam Program Tranformasi Minda di Dewam Kompleks Sukan. Program Transformasi Minda ini dilaksanakan dengan kerjasama Pusat Transformasi Insan (PTi), Universiti Sains Malaysia (USM).

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Profesor Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan, Pengarah PTi USM dan pasukan beliau yang telah bertungkus lumus bersama-sama MBSP dalam menjayakan program yang telah berlangsung selama lima (5) hari dari 21 hingga 25 Oktober 2019. Tahniah dan syabas buat semua.

Kerjasama dengan USM telah wujud sejak tahun 2013 apabila Program Transformasi Minda (PTM) dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2012 sebagai satu daripada syarat pengesahan dalam perkhidmatan bagi mengantikan Kursus Induksi. Program Transformasi Minda (PTM) dikhaskan kepada pegawai atau

kakitangan lantikan tetap selepas 1 Januari 2013 dan belum pernah menghadiri Kursus Induksi – Modul Umum. Secara keseluruhan peserta bagi bagi kursus kali ini berjumlah 140 peserta dan ianya dibahagikan kepada dua (2) siri. Siri 1 diadakan dari 21 hingga 25 Oktober 2019 dan Siri 2 akan diadakan dari 11 hingga 15 November 2019.

**Yang Berbahagia Datuk, Tuan-tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Program Transformasi Minda bertujuan membangunkan modal insan secara holistik merangkumi keupayaan sahsiah dan intelektual yang mesti dimiliki oleh penjawat agensi awam bagi memandu pemikiran dan pelakuan dalam rutin kerja harian. Program Transformasi Minda diperkenalkan sebagai satu pendekatan untuk memberi pendedahan dan penyesuaian minda pegawai di peringkat awal pelantikan dalam konteks penyampaian perkhidmatan agensi awam. Kurikulum Program Transformasi terbahagi kepada tiga (3) segmen utama iaitu Negara dan Perkhidmatan Awam, Tanggungjawab dan Peranan Pegawai, dan Budaya Kerja Kelas Pertama.

Adalah diharapkan Program Transformasi Minda ini:-

- i. Memberi pendedahan kepada peserta mengenai konsep kenegaraan, prinsip dan falsafah pembentukan Negara, system pentadbiran kerajaan serta peraturan-peraturan asas perkhidmatan awam;
- ii. Memupuk keperibadian, jati diri dan nilai patriotism pegawai supaya lebih berketerampilan dan berkemampuan menyesuaikan diri dalam perkhidmatan awam;
- iii. Menerapkan nilai budaya kerja cemerlang agar pegawai dapat memberikan penyampaian perkhidmatan dengan cekap serta berkesan termasuk menyediakan pegawai dengan minda kelas pertama selaras dengan matlamat ke arah negara maju; dan
- iv. Merupakan salah satu kriteria yang perlu dipenuhi oleh pegawai atau kakitangan lantikan tetap bagi tujuan pengesahan dalam jawatan.

**Yang Berbahagia Datuk, Tuan-tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Ini merupakan sesi terakhir Program Transformasi Minda, iaitu sesi Bersama Pengurusan MBSP dan Majlis Penutup Program. Justeru, saya ingin mengambil sedikit waktu tuan-tuan dan puan-puan untuk berkongsi Hala Tuju Strategik MBSP ke arah Bandaraya Seberang Perai yang mampan dan lestari.

Pada tanggal 16 September 2019 (Isnin), Seberang Perai telah mencipta satu sejarah baru dengan pengisytiharan sebagai sebuah bandaraya. Saya ingin mengimbau sejenak sejarah MBSP di mana pada awalnya sejak jajahan British pada tahun 1800an, pentadbiran Seberang Perai terletak di bawah satu pentadbiran yang berpusat di Pulau Pinang. Akibat kependudukan semakin bertambah, pada tahun 1913, satu ordinan baru telah dikeluarkan dan Seberang Perai pada masa itu ditadbir oleh tiga bahagian iaitu Majlis Bandaran Butterworth, Majlis Bandaran Bukit Mertajam dan Majlis Luar Bandar Utara, Tengah dan Selatan. Kemudian, pada tahun 1961, pentadbiran ini disatukan di bawah satu kuasa Majlis Daerah dan ditadbir oleh Majlis Daerah masing-masing. Pada 1 Julai 1974, ketiga-tiga Majlis Daerah ini iaitu Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan disatukan dan dikenali sebagai Lembaga Pengurus

Kerajaan Tempatan, Seberang Perai dan dinaiktaraf kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai pada 15 Disember 1976.

Tanggal 16 September 2019 sempena Hari Malaysia, secara rasminya Majlis Perbandaran Seberang Perai telah dimasyhurkan menjadi Majlis Bandaraya Seberang Perai. Ini menjadikan MBSP sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang ke 15 dinaiktaraf sebagai Majlis Bandaraya. Tahniah kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung kerana kejayaan pada hari ini adalah hasil usaha keringat semua wira orange, pemimpin berwawasan dan rakyat yang bermuafakat dan bukannya atas peluang semata-mata. Oleh yang demikian, kita perlu merasa bangga atas pencapaian Pulau Pinang di mana kita menjadi satu-satunya negeri di Malaysia yang ke semua Pihak Berkuasa Tempatannya bertaraf Bandaraya.

Kita berjaya kerana kita senada, berwawasan, mempunyai Hala Tuju Strategik yang jelas dan mempunyai perancangan dan yang lebih penting adalah sokongan, keikhlasan, muafakat dan doa semua kakitangan, wira oren, pemimpin dan rakyat. Detik bersejarah sempena meraih status Bandaraya dan mengabdikan Majlis Penamaan Menara Bandaraya atau *City Tower* ini telah dipersetujui dalam mesyuarat Jawatan Kuasa Pusat Setempat pada 12 September 2019. Secara rasminya, pada 29 September

2019, Majlis Penamaan Menara Bandaraya ini dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abas, Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang yang mana ianya menjadi mercu kebanggaan Seberang Perai. Majlis disambut dengan penuh gilang gemilang dengan percikan bunga api yang membakar semangat kita untuk lebih berjasa dan berbakti kepada MBSP.

**Yang Berbahagia Datuk, Tuan-tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Alhamdulillah, saya ingin memaklumkan bahawa MBSP telah berjaya menyediakan Hala Tuju Strategik Seberang Perai yang mampan dan lestari untuk Jangka Pendek, Sederhana dan Panjang. Malahan ianya menjadi Kontrak Sosial bagi menjadikan “Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandaraya Dipacu oleh Teknologi”. Kontrak sosial ini menandakan bermulanya era *Contemporary Society* yang berpegang kepada falsafah “Seberang Perai Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar Berpaksikan Rakyat”.

Hala tuju MBSP adalah jelas iaitu mensasarkan untuk mengurangkan 50% pelepasan karbon menjelang tahun 2022 iaitu pengurangan

penghasilan karbon daripada **8.0 tan CO<sub>2</sub>e per kapita** kepada **4.0 tan CO<sub>2</sub>e per kapita**. Selain itu, sasaran menjadi *carbon neutral city* pada tahun 2030, iaitu 10 tahun dari Januari 2020 dan menjadi *zero carbon city* pada tahun 2050. MBSP juga komited untuk bersama bandaraya-bandaraya lain didunia untuk menangani perubahan cuaca supaya dapat menghadkan pemanasan global ke 1.5 degree Celcius.

Saya ingin kita semua bersatu hati dan komited untuk membawa perubahan kepada rakyat setelah dinaiktaraf menjadi bandaraya supaya semua rakyat Seberang Perai dapat menikmatinya. Antara komitmen yang perlu kita tekankan ialah menjadi bandaraya yang seiring dengan *Penang2030 “A Family – Focused Green and Smart State That Inspire The Nation”*, komited untuk menjadi sebuah bandaraya berteraskan pembangunan rendah karbon, sebuah bandaraya berdaya tahan, bandaraya yang inklusif, saksama dan pembangunan berpaksikan rakyat serta Seberang Perai komited untuk menjadi sebuah bandaraya yang kompetitif dan pintar. Tuan-tuan dan puan-puan mendalami agenda Kerajaan Negeri Pulau Pinang sekaligus memahami Hala Tuju Strategik MBSP.

**Yang Berbahagia Datuk, Tuan-tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Bagi mencapai Hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke arah *Penang 2030 (C4) Accelerate Programme Delivery and Institutional Reform*, MBSP telah membuat beberapa perubahan dalam institusi antaranya dengan menubuhkan Jabatan Warisan dan Pelancongan untuk memberi penumpuan kepada usaha-usaha mewujudkan Garis Panduan Pembangunan, Penyelenggaraan Bangunan Warisan dan galakkan ekopelancongan. Selain itu, MBSP juga telah menubuhkan Unit Perubahan Iklim dan Neutral Karbon yang akan berpusat di Jabatan Perkhidmatan Perbandaran. Unit Keterangkuman Gender juga akan ditubuhkan dan berada di bawah Jabatan Khidmat Pengurusan dan menubuhkan Unit Media dan Protokol di Jabatan Kemasyarakatan. Dengan tertubuhnya jabatan dan unit ini, saya yakin dan percaya kita mengambil berat akan ke semua isu tidak hanya pelancongan bahkan gender dan alam sekitar.

**Yang Berbahagia Datuk, Tuan-tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Pembersihan adalah isu yang tak lapok dek hujan dan tak lekang dek panas. MBSP telah mengatur langkah untuk menjenamakan semula kerja-kerja pembersihan iaitu;

- a. Memperluaskan skop pembersihan ke kampung-kampung yang mempunyai rezab laluan serta permukaan bertar tidak kurang dari 8 kaki. Kerja-kerja akan dilaksanakan sekali sebulan.
- b. Memperluaskan skop pembersihan ke pantai-pantai yang menjadi lokasi popular untuk beriadah. Pantai yang akan diambil perhatian ialah Kuala Muda, Robina Park, Pantai Bersih dan Batu Musang.
- c. Pemotongan rumput di jalan-jalan persekutuan sebelum ini yang dilaksanakan oleh kontraktor lantikan JKR. MBSP akan masuk secara berkala berselang dengan jadual JKR melibatkan lima (5) lokasi sebagai permulaan. Antaranya daripada bulatan Bukit Tengah hingga ke hadapan Pacific Hypermarket (Daerah

Seberang Perai tengah), Daripada Flyover PLB Engineering hingga Jambatan Tunku Abdul Rahman (Derah Seberang Perai Tengah), Daripada Jambatan Tunku Abdul Rahman hingga ke Maybank Butterworth (Daerah SPU), Daripada Maybank hingga ke Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi (SPU) dan daripada bulatan Bukit Tengah hingga Simpang Permatang Nibong (Daerah SPT).

- d. Pelan Tindakan Pembersihan dan Pelan Tindakan Pemantauan Pembersihan oleh kontraktor supaya Seberang Perai Bersih.
- e. Menstruktur semula zon pembersihan.
- f. Melantik kontraktor baru yang berwibawa untuk semua zon pembersihan.
- g. Memantapkan pengurusan jabatan, *Business Proses Reengineering (BPR)* penyelenggaraan kenderaan di PUSKEB, menyediakan bajet pembelian kenderaan baru seperti *compactor* dan *backhoe*.

- h. Mewujudkan sistem penyeliaan nisbah 1:10, satu penyelia bagi setiap 10 pekerja.
- i. Memperkemaskan sistem demerit, menamatkan kontrak pembersihan selepas 25% pemotongan berturut-turut dan memasukkan klausa penamatan ini dalam perjanjian.
- j. Menyediakan *standby team* pembersihan untuk mengambil alih kerja-kerja pembersihan daripada kontraktor yang ditamatkan.
- k. Mewujudkan senarai semak yang jelas bagi setiap lapisan pekerja.
- l. Memberi latihan kepada penyelia dan pekerja mengenai kerja-kerja yang perlu dilaksanakan secara *hands on* berpandukan senarai semak tugas.

- m. Mewujudkan sistem pemantauan pembuangan sampah haram yang berkesan.

**Yang Berbahagia Datuk, Tuan-tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Antara usaha yang akan dilaksanakan untuk menjadi sebuah bandaraya yang pintar adalah dengan melaksanakan Integrasi Sistem Video Analitik dan CCTV, *Smart Traffic Analytics*, pemasangan *Greenwave* di persimpangan Jalan Bukit Tambun, Jalan Bukit Minyak dan Autocity menggunakan *signal* dan *radio frequency* (RF).

MBSP telah menyediakan Garis Panduan supaya setiap pembangunan baru menyediak Lampu LED di tiang lampu yang diselenggarakan oleh MBSP. MBSP juga sedang menyediakan RFP bagi menggantikan lampu jenis SON ke Lampu LED sebanyak 15,000 unit menjelang 2022 secara berperingkat.

**Yang Berbahagia Datuk, Tuan-tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Bagi mencapai sasaran bandaraya rendah karbon, MBSP telah menetapkan lima (5) strategi iaitu:

- (i) **Strategi 1 :Pengangkutan Hijau** dimana MBSP telah menyediakan Garis Panduan dimana setiap permohonan PKM yang dikemukakan pada atau selepas 1 Jun 2018 dikehendaki menyediakan Laluan Berbasikal. Pekerja MBSP diberi pinjaman pembelian basikal untuk menggalakkan *Cycle To Work*.
- (ii) **Strategi 2 :Bangunan Hijau**, insentif *Fast Track* plan kebenaran merancang akan diberikan kepada pemajuan yang direkabentuk menggunakan 15% tenaga yang boleh diperbaharui. Begitu juga pembangunan kompleks komersial yang mempunyai ruang lantai melebihi 5,000 meter persegi serta pembangunan komersial yang dibenarkan nisbah plot melebihi 1:3 dikehendaki memperolehi 15% dari tenaga yang boleh diperbaharui. MBSP juga akan mensyaratkan dalam PKM,

GBI Certified (Green Building Index) bagi bangunan kediaman dan perdagangan dalam eco-city Batu Kawan.

- (iii) **Strategi 3 :Infrastruktur Hijau** melalui sumber tenaga elektrik daripada sumber tenaga yang diperbaharui (Renewable Energy), Dasar Pengiklanan LED sebagai bentuk pengiklanan baharu dan penggantian serta pemasangan Lampu Jalan LED.
- (iv) **Strategi 4 :Penghasilan dan Penggunaan Mampan** dengan meningkatkan kitar semula kepada 70% dan kurangkan beratan sampah sebanyak 50%. Selain itu, kita akan melaksanakan program *Waste To Protein*, *Waste To Compost* dan *Waste To Energy*.
- (v) **Strategi 5 :Kehijauan dan Penyerapan** dengan membuat penanaman semula pokok, guna pakai sumber asli untuk penyiraman pokok, memperbanyakkan vertical landscape, pertambahan pocket park, Seberang Perai Smart City untuk menanggani isu pengurusan sisa pepejal, kesesakan lalulintas melalui *Smart Traffic Analytics & Recognition System*, jenayah &

keselamatan melalui CCTV, kawalan banjir melalui sistem rumah pam dan sebagainya.

**Yang Berbahagia Datuk, Tuan-tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Dalam Tema (A) *Penang2030* iaitu *Increase Liveability To Enhance Quality Of Life*, di mana MBSP telah mencari penyelesaian dalam menangani isu-isu pemilikan rumah di kalangan warga kerja MBSP seperti yang ditekankan dalam tema (A1) *Penang2030* iaitu *Address Housing Affordability And Diversity*. Program *Housing Democracy* yang diadakan pada 20 September 2019 baru-baru ini merupakan satu cetusan idea yang bersesuaian dengan tema bajet tahun ini iaitu *people centric* yang merangkumi semua aspek komuniti dan warga kerja MBSP. Program kempen *housing democracy* ini tidak pernah dibuat oleh mana-mana agensi kerajaan atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan saya dapat merasakan bahawa program pertama kali ini adalah satu program yang berjaya. Saya dimaklumkan seramai lebih kurang 1,000 kakitangan yang hadir menjayakan program ini. Terdapat sebanyak 22 booth secara keseluruhan yang terdiri daripada 8 booth bank, 9 pemaju dan 5 agensi kerajaan.

Menyingkap kembali kepada Hala Tuju Seberang Perai Ke Arah Bandaraya Seberang Perai Yang Mampan dan Lestari, MBSP telah merangka faedah-faedah yang boleh dinikmati oleh rakyat apabila Seberang Perai menjadi Bandaraya. Salah satu faedah adalah Peluang-Peluang Pemilikan Rumah dan Meningkat Kualiti Hidup yang mengandungi perkara-perkara berikut:-

- i. Memperkenalkan Skim Pemberian Nombor Rumah Kediaman Kampung – kemudahan pemilikan alamat rumah dan keselesaan;
- ii. Garis Panduan Rumah Sederhana Rendah bertujuan memperbanyakkan bekalan rumah mampu milik di pasaran;
- iii. Garis Panduan Pindaan dan Tambahan Ruang Kediaman bagi memberikan ruang keselesaan kepada pemilik rumah;
- iv. Buku Panduan Pindaan dan Tambahan Kecil Rumah Kediaman untuk kelulusan serta merta;

- v. Pelan Setara Rumah Sesebuah bagi membolehkan kelulusan segera untuk kemudahan pemilik rumah.

**Yang Berbahagia Datuk, Tuan-tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Setelah lama kita bercakap soal tugas, tanggungjawab dan usaha, tiba masanya untuk saya nyatakan di sini, atas usaha gigih semua, MBSP telah bersetuju untuk menghargai sumbangan kakitangan dengan menaikkan kadar perbelanjaan perubatan dan memperluaskan Kemudahan Klinik Panel MBSP kepada ibu bapa kakitangan, pembelian cermin mata pada yang mengalami masalah penglihatan, perkhidmatan perubatan di klinik pakar kanak-kanak merangkumi seluruh Negeri Pulau Pinang, bahagian selatan Negeri Kedah (Kulim dan Sungai Petani) dan bahagian utara Negeri Perak (Parit Buntar). Bagi kakitangan yang bujang kadar perbelanjaan yang baharu ialah RM400.00, manakala bagi kakitangan yang telah berkahwin kadar perbelanjaan baharu ialah RM1,000.00. Bagi kakitangan berkahwin yang suami dan isteri adalah kakitangan MBSP kadar perbelanjaan yang baharu ialah RM1,400.00

Dengan kadar perbelanjaan perubatan yang baharu ini, saya rasa sedikit sebanyak dapat meringankan beban tuan-tuan dan puan-puan sekalian. MBSP sentiasa prihatin dan mengambil kira soal kebajikan kakitangan. Segala pandangan dan usul boleh disalurkan melalui saluran yang betul iaitu samada melalui ANULAE atau Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) yang diadakan tiga (3) bulan sekali.

**Yang Berbahagia Datuk, Tuan-tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Saya amat menghargai usaha-usaha yang ditunjukkan oleh semua kakitangan MBSP tidak kira peringkat jawatan. Pembaharuan yang patut ada pada kita kali ini merupakan satu anjakan baru dan memerlukan pengurusan perubahan atau *change management*. MPSP merupakan satu entiti yang sentiasa memerlukan kepada perubahan bagi membolehkan kita mampu memenuhi tuntutan atau kehendak semasa *stakeholders* termasuk memastikan visi dan misi MBSP jelas. Ini penting bagi kita membuat pengubahsuaian dan penambahbaikan sistem-sistem atau cara kerja yang ada di dalam organisasi kita supaya menjadi lebih efektif dan efisyen.

Kegagalan melakukan atau bertindak mengikut perubahan dan tuntutan *stakeholders* akan menyebabkan kita menjadi PBT yang ketinggalan dan gagal mencapai aspirasi rakyat. Oleh itu, semua kakitangan terutamanya pihak pengurusan perlu berperanan memberikan keyakinan kepada kakitangan atau kumpulan di bawah mereka agar sentiasa bersedia untuk melakukan perubahan dan yang paling utama perubahan tersebut perlu menjurus kepada kepuasan hati rakyat dan kecemerlangan perkhidmatan MBSP.

**Yang Berbahagia Datuk, Tuan-tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Segala perancangan yang dibuat oleh MBSP adalah berteraskan kepada pendekatan atau visi yang diketengahkan oleh Kerajaan Persekutuan ke arah *Post 2020 Development Dimensions* yang merangkumi Ekonomi, *Economic Empowerment* dan *Social Reengineering*. Perancangan MBSP juga merangkumi visi Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke arah Penang 2030 yang lebih bersifat *People Centric*. Oleh yang demikian, segala usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan MBSP ini seiring dengan *Sustainable Development Goals (SDGs)* yang diperkenalkan oleh United

Nations di mana misi kita adalah sama untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat dan “**We Value In People’s Voices**”.

Di kesempatan ini, sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada petang ini, ingin saya nyatakan di sini bahawa Seberang Perai telah mencapai satu kemuncak dalam penitian evolusi bandar. Seberang Perai tidak mencapai taraf bandaraya secara kebetulan tetapi mencapainya dari usaha gigih Ahli Majlis, Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, Kakitangan, Wira Orange, pimpinan yang berwawasan dan rakyat yang bermuafakat. Oleh itu, saya berharap agar anugerah ini dapat dipertahankan bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat bagi mencapai “**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**” atau “**Seberang Perai Aspiring City Of Tomorrow**”. **Syabas dan tahniah sekali lagi buat semua sempena Pengisytiharan Majlis Bandaraya Seberang Perai.**

**Sekian,**

**Wabillahi Taufik Wal Hidayah,**

**Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**